

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HMT 329 - ANALISIS KONTRASTIF BAHASA-BAHASA  
DI MALAYSIA**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

1. **DATA A** di bawah memaparkan pembentukan kata terbitan dalam bahasa Iban dan bahasa Melayu. Berdasarkan data tersebut, bandingkan proses penerbitan kata dalam kedua-dua bahasa itu.

<b>DATA A</b>			
<b>Bahasa Iban</b>			
<u>Bentuk dasar</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata Terbitan</u>	<u>Makna</u>
[basoh]	'basuh'	[maso/]	'membasuh'
[diŋa]	'dengar'	[niŋa]	'mendengar'
[tayoh]	'simpan'	[nayoŋ]	'menyimpan'
[pantaŋ]	'pukul'	[mantaŋ]	'memukul'
[saba/]	'tangis'	[/aba/]	'menangis'
[kureah]	'kunyah'	[ŋu/eah]	'mengunyah'
[gəyami]	'bubuh'	[ŋəyami]	'membubuh'
[laban]	'lawan'	[ŋələban]	'melawan'
[lepi/]	'lipat'	[ŋələpi/]	'melipat'
[rəndam]	'rendam'	[ŋəyəndam]	'merendam'
[yəgaŋ]	'salib'	[ŋəyəgaŋ]	'menyalib'
<b>Bahasa Melayu</b>			
<u>Bentuk dasar</u>	<u>Makna</u>	<u>Kata Terbitan</u>	<u>Makna</u>
[basoh]	'basuh'	[məbasoh]	'membasuh'
[dəŋa]	'dengar'	[məndəŋa]	'mendengar'
[simpan]	'simpan'	[mə/impan]	'menyimpan'
[pukol]	'pukul'	[məmukol]	'memukul'
[taŋes]	'tangis'	[mənaŋes]	'menangis'
[ku/ah]	'kunyah'	[məŋu/ah]	'mengunyah'
[buboh]	'bubuh'	[məmbuboh]	'membubuh'
[lawan]	'lawan'	[məlawan]	'melawan'
[lipat]	'lipat'	[məlipat]	'melipat'
[rəndam]	'rendam'	[mərəndam]	'merendam'
[saleb]	'salib'	[mə/aleb]	'menyalib'

(Sumber data: data bahasa Iban diubah suai daripada Rahim Aman, 2006. **Perbandingan Fonologi dan Morfologi Bahasa Iban, Kantuk dan Mualang**)

(25 markah)

2. Buat perbandingan tentang **konsep milik** antara dua bahasa dalam **DATA B** di bawah dengan bahasa Melayu (termasuk bahasa Melayu standard dan basahan).

<b>DATA B</b>		
<b><u>Dialek Cina Hakka</u></b>		<b><u>Makna dalam bahasa Melayu</u></b>
nga-kai D1:T-GEN	sam la-sap baju kotor	'baju saya kotor'
nya-kai D2:T-GEN	sam la-sap baju kotor	'baju awak kotor'
gia-kai D3:T-GEN	sam la-sap baju kotor	'baju dia kotor'
ngasa-kai D1:JAM-GEN	sam la-sap baju kotor	'baju kami kotor'
Mimi-kai Mimi-GEN	sam la-sap baju kotor	'baju Mimi kotor'
* kai mimi sam la-sap *mimi sam la-sap kai (Sumber : New, Jee Chiau et al.2006. "Perbandingan Aspek Sintaksis antara Dialek Hakka dengan bahasa Melayu ) Standard: Konsep Genetif")		
<b><u>Bahasa Bajau Sama</u></b>		<b><u>Makna dalam bahasa Melayu</u></b>
<b><u>Bajau</u></b> badu kami kama kami ampun badu kama		'baju kami kotor' 'kami punya baju kotor'
badu ni kama iyo ampun badu kama *ni ampun badu kama *badu iyo kama		'baju dia kotor' 'dia punya baju kotor'
badu ku kama *badu aku kama aku ampun badu kama *ku ampun badu kama		'baju saya kotor' 'saya punya baju kotor'
badu ga?ai kama ga?ai ampun kama		'baju mereka kotor' 'mereka punya baju kotor'
(Sumber: Samson Hj Abdullah, penutur asli bahasa Bajau Sama dari Kota Belud, Sabah)		

(25 markah)

...4/-  
[HMT 329]

3. Berdasarkan pengalaman anda bermastautin di Pulau Pinang selama lebih daripada dua tahun, tunjukkan perbezaan morfologi dan sintaksis antara dialek Melayu Pulau Pinang dalam **DATA C** dengan bahasa Melayu standard.

**DATA C**

**Dialek Melayu Pulau Pinang**

Bila depa mai , kami dok makan nasik.  
Saya dok sakit beghapa lama.  
Dia dok main siang malam.  
Saya dok pi dia dok mai.  
Pekecik pelita.  
Dia dah pelari anak oghang.  
Papan lantai mau peghapat lagi.  
Minum peghabis!  
Tanah itu habeh dipelaghi hujan.  
Nasik sejuk tu mau peghangat.  
Jangan hang lupa noh?  
Hang sayang noh?  
Awat tak buat?  
Awat hang kena buang kerja?  
Lima oghang pakat pukoi dekat saya.  
Pempuan dok pakat maki kat dia.

( Sumber : diubahsuai daripada  
Hamilton, A.W .1922. "Penang Malay" dan Mohamad Fazal  
Sultan selaku penutur asli dialek Melayu Pulau Pinang. )

(25 markah)

4. Perhatikan **DATA D**. Huraikan perbezaan proses fonologi yang berlaku di sempadan awalan antara dialek Melayu Kelantan dengan dialek Melayu Johor Riau. Jawapan anda hendaklah menggunakan modul representasi Sagey (1986).

**DATA D**

Dialek Melayu Johor Riau	Dialek Melayu Kelantan	Ejaan Bahasa Melayu
(i) /m↔N + tinggal/ [m↔niNgal]	/N + tiNgal/ [ni <sup>N</sup> ga]	meninggal
(ii) /m↔N + bawa/ [m↔mbaw↔]	/N + bawa/ [bbaw□]	meninggal

Sumber: diubahsuai daripada Tajul Aripin, (2007)

(25 markah)

5. Bandingkan proses **pengguguran** dan **penyisipan** antara dialek Melayu Johor Riau dengan mana-mana dialek yang anda tahu. Gunakan pendekatan atur rumus untuk menghuraikan jawapan anda.

(25 markah)

6. Perhatikan **DATA E**. Berdasarkan teori autosegmental dan mana-mana model fitur distingtif, bincangkan perbezaan proses fonologi yang berlaku dalam dialek Melayu Johor Riau, dialek Melayu Gerik, dialek Melayu Patani Chenak, dan dialek Melayu Kelantan.

**DATA E**

	Dialek Melayu Johor Riau	Dialek Melayu Kelantan	Dialek Melayu Gerik	Dialek Melayu Patani Chenak	Ejaan Bahasa Melayu
(i) /j∅alan/	[j∅a.lan]	[j∅a.lE]	[j∅∅a.lE)N]	[j∅a.la)i)N]	'jalan'

Sumber: diubahsuai daripada Tajul Aripin, (2007)

(25 markah)